

NAMA: _____

UASA 8 Ekonomi dan Pengurusan Kewangan

Pelbagai manfaat diperoleh sekiranya sikap berjimat cermat dijadikan amalan dalam kehidupan.

Huraikan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak supaya berjimat-cermat

Pendahuluan

Pelbagai manfaat diperoleh sekiranya sikap berjimat cermat dijadikan amalan dalam kehidupan seharian. Amalan ini bukan sahaja dapat mengelakkan [pembaziran membazir] malah membantu [kestabilan menstabilkan] kewangan keluarga. Namun, sikap berjimat cermat tidak lahir dengan sendiri, [sebaliknya seterusnya] perlu dipupuk sejak kecil. Dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan penting untuk mendidik anak-anak agar mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan harian.

Isi 1

Bak kata pepatah, "melentur buluh biarlah dari rebungnya", ibu bapa harus mendidik anak-anak berjimat cermat dalam menggunakan kemudahan di rumah sejak kecil. Hal ini bermakna ibu bapa perlu [menekankan penekanan] kepentingan menjaga dan menghargai setiap kemudahan yang [menyediakan disediakan]. Misalnya, anak-anak perlu diajar supaya menutup suis lampu dan kipas apabila tidak [menggunakan digunakan] serta tidak membazir air semasa mandi. Tindakan ini penting kerana dapat mendidik anak-anak bahawa *biar bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian*.

Isi 2

Selain itu, ibu bapa harus mendidik anak-anak supaya sentiasa berhemat dalam [membelanjakan berbelanja]. Didikan ini membolehkan anak-anak mengutamakan keperluan [perbandingan berbanding] kehendak yang boleh menyebabkan pembaziran. Sebagai contoh, ibu bapa boleh menasihatkan anak-anak agar membeli barang [mengikut mengikuti] bajet dan membimbing mereka menabung wang lebihan belanja harian. Hal ini dapat mengajar anak-anak merancang kewangan dengan lebih bijak kerana *sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit*.

Isi 3

Di samping itu, ibu bapa boleh membeli bahan bacaan yang memberikan maklumat [kepenggunaan pengguna] kepada anak-anak. Bahan bacaan seperti buku atau majalah mampu memberikan ilmu tentang cara mengurus kewangan dan cara mengelakkan pembaziran. Misalnya, ibu bapa boleh menghadiahkan buku motivasi atau majalah pengguna kepada anak-anak untuk dijadikan [panduan pemanduan]. Jelaslah, ilmu melalui pembacaan dapat membentuk [pemikiran fikiran] positif agar anak-anak menghargai nilai berjimat cermat.

Isi 4

Akhir sekali, ibu bapa juga wajar mengamalkan amalan kitar semula bersama anak-anak. Amalan ini dapat memberi pendedahan awal tentang kepentingan mengurus barangan [memakai terpakai] dengan baik. Sebagai contoh, botol plastik, kertas lama dan tin minuman boleh dikumpulkan, dihantar ke pusat kitar semula dan hasil jualannya dimasukkan ke dalam tabung anak-anak. Tindakan ini selaras dengan pepatah *sediakan payung sebelum hujan* kerana [persediaan menyediakan] awal mendatangkan manfaat besar pada masa depan.

Penutup

Kesimpulannya, ibu bapa mempunyai peranan yang besar dalam mendidik anak-anak supaya berjimat cermat. Pendidikan awal ini penting agar anak-anak [membesar membesarkan] menjadi individu yang tahu mengurus kewangan dan tidak boros. Oleh itu, setiap ibu bapa hendaklah menjadi contoh teladan yang baik dengan mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan seharian.